



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 9 OKTOBER 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **188 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **10,707 kes** (72.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Sehingga 9 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, **354 kes baharu** telah dilaporkan hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **14,722 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 3,863 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Jika dilihat pecahan utama jumlah kes hari ini, negeri Sabah mencatat 274 kes (77.4 peratus). Ini susulan lebih banyak aktiviti saringan dijalankan di lapangan, terutama di tujuh (7) buah daerah PKPD. Negeri Kedah hanya mencatat 10 kes (2.82 peratus) susulan kejayaan kawalan bagi Kluster Tembok di penjara. Negeri-negeri Lembah Klang pula merangkumi 10.2 peratus daripada

jumlah keseluruhan kes, iaitu Negeri Selangor mencatat 24 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 10 kes dan Wilayah Persekutuan Putrajaya 2 kes.

Ingin dimaklumkan daripada 354 kes baharu yang dilaporkan, **dua (2) kes** adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan dari luar negara** melibatkan warganegara Malaysia yang mengembara dari negara:

- **India**: **Satu (1) kes** dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
- **Oman**: **Satu (1) kes** dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Daripada 352 kes **penularan di dalam negara**, 332 kes adalah warganegara Malaysia dan 20 kes adalah bukan warganegara. Daripada 352 **kes penularan di dalam negara**, 23 kes pula merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah, sekaligus menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 sebanyak 324 kes.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah**: **274 kes**
  - 120 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - 22 kes daripada Kluster Ramai-Ramai;
  - 13 kes daripada Kluster Benteng LD;
  - Lima (5) kes daripada Kluster Tujuh Serangkai;
  - Empat (4) kes daripada Kluster Laut;
  - Dua (2) kes daripada Kluster Tanamera;
  - Satu (1) kes daripada Kluster Bangau-Bangau;
  - Satu (1) kes daripada Kluster Pulau;
  - Satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Atap**; dan
  - 105 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 24 kes**
  - 17 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Tiga (3) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
  - Satu (1) kes daripada Kluster Benteng PK;
  - Satu (1) kes daripada Kluster Jalan Meru; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kedah: 10 kes**
  - Tujuh (7) kes daripada Kluster Tembok; dan
  - Tiga (3) kes daripada Kluster Bah Sintok.
  
- **Sarawak: 10 kes**
  - Tujuh (7) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 8 kes**
  - Lima (5) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
  - Satu (1) kes daripada Kluster Bah Puchong;
  - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes saringan COVID-19 lain.
  
- **Pulau Pinang: Lapan (8) kes**
  - Tujuh (7) kes daripada Kluster Penjara Reman; dan
  - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah).
  
- **Johor: Lima (5) kes**
  - Empat (4) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah).
- **Terengganu: Lima (5) kes**
  - Tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bah Sahabat**;
  - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
  - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Negeri Sembilan: Empat (4) kes**
  - Satu (1) kes daripada Kluster Bah Sintok;
  - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
  - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Dua (2) kes** daripada Kluster Selasih.
- **Perak: Satu (1) kes** daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bah Lada**.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Satu (1) kes** saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah).

Sehingga kini, terdapat **68 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **25 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **enam (6) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **152 kes** (1.03 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

<b>Kes kematian</b>	<b>Kes</b>	<b>Jantina</b>	<b>Umur (tahun)</b>	<b>Hospital</b>	<b>Latar Belakang</b>
<b>147</b>	12991	Lelaki WN	54	Hospital Tawau	Penyakit darah tinggi dan asma
<b>148</b>	14028	Lelaki WN	68	Hospital Semporna	-
<b>149</b>	14151	Perempuan WN	66	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan batuk kering (PTB)
<b>150</b>	14640	Perempuan WN	58	Hospital Tawau	-
<b>151</b>	14641	Perempuan WN	57	Hospital Semporna	Penyakit darah tinggi
<b>152</b>	14642	Lelaki WN	64	Hospital Queen Elizabeth	Bengkak kelenjar prostat (BPH)

\* WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

## **TIGA (3) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI**

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **tiga (3) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu di negeri:

- Sabah - Satu (1) kluster;
- Perak - Satu (1) kluster; dan
- Terengganu - Satu (1) kluster.

### **1) KLUSTER ATAP, SABAH**

Kluster baharu ini telah dikenal pasti di daerah Kota Kinabalu, Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-12880) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan bergejala pada 4 Oktober 2020 dan dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth, Sabah. Saringan kontak rapat telah mengenalpasti tiga (3) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 9 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 49 individu telah disaring. Keputusan saringan adalah seperti berikut:

- Empat (4) kes dikesan positif COVID-19;
- 36 individu negatif; dan
- Sembilan (9) individu masih menunggu keputusan.

### **2) KLUSTER BAH LADA, PERAK**

Kluster baharu ini telah dikenal pasti di Perak iaitu di daerah Perak Tengah dan daerah Hilir Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-12374 kes ke-13978) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) pada 3 Oktober 2020 dan 6 Oktober 2020. Mereka telah dimasukkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak.

Saringan kontak rapat telah mengenalpasti dua (2) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 9 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 41 individu telah disaring.

Keputusan saringan adalah seperti berikut:

- Empat (4) kes dikesan positif COVID-19;
- 31 individu negatif; dan
- Enam (6) individu masih menunggu keputusan.

### **3) KLUSTER BAH SAHABAT, TERENGGANU**

Kluster baharu ini telah dikenal pasti di daerah Marang, Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-10766 dan kes ke-10767) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) pada 25 September 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Hulu Terengganu, Kuala Berang. Saringan kontak rapat telah mengesan lapan (8) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 9 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 88 individu telah disaring.

Keputusan saringan adalah seperti berikut:

- 10 kes dikesan positif COVID-19;
- 34 individu negatif; dan
- 44 individu masih menunggu keputusan.

### **STATUS TERKINI KLUSTER-KLUSTER AKTIF YANG LAIN DENGAN KES POSITIF COVID-19 PADA HARI INI**

Selain daripada tiga (3) kluster di atas, terdapat 14 kluster aktif lain yang mempunyai kes positif COVID-19 pada hari ini iaitu:

- 22 kes daripada Kluster Ramai-Ramai;
- 13 kes daripada Kluster Benteng LD;
- Tujuh (7) kes daripada Kluster Tembok;
- Tujuh (7) kes daripada Kluster Penjara Reman;
- Lima (5) kes daripada Kluster Tujuh Serangkai;
- Empat (4) kes daripada Kluster Laut;
- Empat (4) kes daripada Kluster Bah Sintok;
- Dua (2) kes daripada Kluster Selasih;
- Dua (2) kes daripada Kluster Tanamera;
- Satu (1) kes daripada Kluster Bangau-Bangau;
- Satu (1) kes daripada Kluster Jalan Meru;
- Satu (1) kes daripada Kluster Pulau;
- Satu (1) kes daripada Kluster Benteng PK; dan
- Satu (1) kes daripada Kluster Bah Puchong.

Maklumat lanjut kluster-kluster ini adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

### **PENGAWASAN DAN PEMERHATIAN DI RUMAH “HOME SURVEILLANCE ORDER” (HSO)**

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan mengenai definisi kontak rapat dan Perintah *Home Surveillance Order* (HSO). HSO akan diberikan kepada:

- 1) Individu yang mempunyai gejala ringan dan tidak memenuhi kriteria bagi kemasukan ke wad iaitu *Patient Under Investigation* (PUI); ATAU



- 2) Individu yang tidak mempunyai gejala, namun mempunyai sejarah perkaitan epidemiologi seperti kontak rapat kepada kes yang dijangkiti COVID-19 iaitu *Person Under Surveillance* (PUS).

Kontak rapat kepada kes positif COVID-19 merupakan individu yang telah dikenalpasti oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdasarkan siasatan lapangan dan penilaian risiko yang dijalankan. Kontak rapat merupakan individu yang mempunyai kontak secara langsung dengan kes positif COVID-19. Ini meliputi individu yang bersemuka secara langsung dengan pesakit COVID-19 pada jarak yang kurang daripada 1 meter atau individu yang mempunyai kontak fizikal dengan kes COVID-19 dalam tempoh 14 hari dari tarikh jangkitan. Antara individu yang dikesan sebagai kontak rapat meliputi:

- Anggota kesihatan yang memberi perawatan kepada kes COVID-19 yang positif TANPA menggunakan alat perlindungan diri (PPE) yang lengkap; ATAU
- Ahli keluarga yang tinggal serumah dengan kes positif COVID-19; ATAU
- Individu yang duduk berdekatan (kurang 1 meter dengan kes COVID-19) misalnya di pejabat atau di dalam kelas; ATAU
- Individu dikesan mengembara bersama atau duduk dengan jarak yang dekat (kurang daripada 1 meter) dengan kes positif COVID-19 sepanjang tempoh perjalanan.

Individu yang pernah berhubung dengan kes positif namun tidak tidak dikenal pasti sebagai kontak rapat tidak akan diberikan HSO. Walau bagaimana pun individu ini dinasihatkan untuk menjalani kuarantin sendiri (*self quarantine*) dan memantau status kesihatan masing-masing sepanjang tempoh 14 hari serta mengamalkan nasihat kesihatan yang telah dikeluarkan oleh KKM.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

9 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 9 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	274	3,565
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	10 (2)	2,733
<b>SELANGOR</b>	24	2,531
<b>KEDAH</b>	10	1,626
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	4	1,069
<b>JOHOR</b>	5	809
<b>SARAWAK</b>	10	742
<b>PAHANG</b>	0	385
<b>PERAK</b>	1	296
<b>MELAKA</b>	0	269
<b>KELANTAN</b>	0	171
<b>PULAU PINANG</b>	8	168
<b>TERENGGANU</b>	5	154
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	2	116
<b>W.P. LABUAN</b>	1	50
<b>PERLIS</b>	0	38
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>354 (2)</b>	<b>14,722</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini  
(9 Oktober 2020)**

	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	*BWN	Jumlah Kematian
1	Ramai-Ramai	Sabah	Sandakan	22	48	393	48 (0)	0	2	0
2	Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan	13	967	16,363	118 (0)	849	381	0
3.	Tembok	Kedah Perak	Kota Setar, Kamunting, Kubang Pasu, Pendang	7	1,207	5,453	1,206 (6)	0	72	1
4.	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	7	15	502	15 (0)	0	1	1
5.	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran	5	28	325	28 (0)	0	0	0
6.	Laut	Sabah	Kunak	4	113	588	113 (0)	0	111	0

7.	Bah Sintok	Kedah, Negeri Sembilan	Kubang Pasu, Seremban	4	34	457	34 (0)	0	0	0
8.	Selasih	WPKL & Putrajaya, Selangor, Johor	WP Putrajaya, Sepang, Johor Bharu	2	15	232	15 (0)	0	0	0
9	Tanamera	Sabah	Tawau	2	11	26	11 (0)	0	2	0
10.	Bangau- Bangau	Sabah	Semporna, Tawau	1	430	990	407 (7)	22	80	1
11.	Jalan Meru	Selangor, Johor, Kelantan, WPKL & Putrajaya	Hulu Langat, Klang, Gombak, Petaling, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Kuala Johor Bharu, Kota Bharu, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong	1	81	576	81 (0)	0	1	0
12.	Pulau	Sabah	Kunak, Semporna	1	51	1,018	48 (0)	3	5	0

13.	Benteng PK	Selangor	Klang, Kuala Langat	1	16	155	16 (0)	0	8	0
14.	Bah Puchong	Selangor, Perak, WP Kuala Lumpur	Klang, Kinta, Larut Matang & Selama, Titiwangsa	1	8	54	8 (0)	0	0	0

\*BWN = Bukan Warganegara